

# Pemasangan cerucuk, kanvas di kawasan runtuhan MACA

*(31.4.2023) nro. 121*  
**Kuala Lumpur:** Pihak berkuasa mempertimbangkan pemasangan cerucuk besi di kawasan runtuhan bangunan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) mengelakkan bangunan berkenaan terjejas.

Selain cerucuk, kanvas juga dipasang untuk memastikan kawasan runtuhan dan lokasi berhampiran stabil.

Ketua Polis Daerah Sentul Asisten Komisioner Beh Eng Lai berkata, pihaknya masih berbincang dengan beberapa agensi berhubung langkah-langkah segera yang akan dilaksanakan.

"Kita dapati masih berlaku runtuhan dan hakisan tanah di lokasi runtuhan itu. Jadi, setakat menutup dengan kanvas mungkin tidak dapat mengurangkan risiko bahaya di lokasi."

Oleh itu, kita sedang bincang untuk memasang cerucuk besi bagi mengelakkan bangunan berdekatan iaitu Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Akademi SPRM daripada

terus terjejas akibat hakisan tanah runtuh ini yang terjadi sejak semalam (kelmarin)," katanya selepas melawat kawasan runtuhan di sini, semalam.

Kelmarin, berlaku tanah runtuh berdekatan bangunan MACA milik SPRM di Persiaran Tunku Syed Sirajuddin.

Kejadian dikatakan berpunca takungan air susulan hujan lebat sejak beberapa hari lalu serta paip bawah tanah yang pecah.

Ia turut menyebabkan pondok keselamatan di bangunan berkenaan runtuh.

Sehingga kini, runtuhan itu membabitkan ketinggian kira-kira 15 meter dengan lebar 41.8 meter dan panjang 85 meter.

Ia membabitkan runtuhan tanah sebanyak 44 peratus.

Mengulas lanjut, Beh Eng turut mengesahkan, runtuhan kecil masih berlaku sejak malam kelmarin, mengakibatkan ia merebak ke kawasan bangunan IIM.